



## TAWARAN UNTUK MENGIKUTI KURSUS SIJIL VETERINAR MALAYSIA DI JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA SESI 2022/2023



Pemohon adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ Sijil Vokasional Malaysia untuk mengikuti Kursus Sijil Veterinar Malaysia (SVM) di Institut Veterinar Malaysia, Kluang Johor. Pengajian ini akan bermula pada Januari 2021 dan mengambil masa selama 2 tahun.

### SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN

- (i) Warganegara Malaysia berumur di antara 19 hingga 25 tahun pada masa mendaftar kursus.  
(ii) Mempunyai **SPM/Sijil Vokasional Malaysia** (Agroindustri Ternakan Ruminan/Agroindustri Poltri) dan wajib mendapat kepujian (**Gred C/6C**) dalam mata pelajaran berikut:

- Bahasa Melayu;
- Matematik;
- Bahasa Inggeris;

Dan mendapat sekurang-kurangnya kepujian (**Gred C/6C**) dalam satu mata pelajaran berikut:

- Sains;
- Biologi;
- Kimia;
- Sains Pertanian;
- Sains Tambahan;
- Pengurusan Ternakan Ruminan;
- Pengurusan Ladang Ternakan Ruminan;
- Pengurusan Makanan Ternakan;
- Kesihatan Ternakan;
- Pembiakan Ternakan;
- Pengurusan Pastura dan Folder; atau
- Pengurusan Hasil Ternakan Ruminan;
- Penyelenggaraan Perumahan Ternakan Poltri
- Pengawalan Makhhluk Perosak dan Pembersihan Reban
- Nyahkuman Reban dan Rawatan Air Minuman
- Penyediaan Tempat Perindukan
- Pengendalian Kemasukan Poltri Umur Sehari
- Pengurusan Poltri Peringkat Didik
- Pengurusan Poltri Peringkat Pembesaran
- Pengendalian Pengeluaran Telur Sajian
- Pengendalian Telur Tetasan
- Operasi Pengeluaran Poltri Umur Sehari
- Sanitasi dan Penyeliaan Operasi Penetasan
- Pengendalian Operasi Biosekuriti Ladang Poltri
- Pengurusan Sisa Buangan Ladang Poltri

- (iii) Belum berkahwin (kecuali untuk pegawai kerajaan);  
(iv) Sihat tubuh badan dan melepasi ujian pemeriksaan kesihatan.

### Syarat-syarat khas bagi kakitangan Kerajaan:

- (i) Berumur tidak melebihi 45 tahun semasa mendaftar masuk;  
(ii) Pembantu Veterinar Gred G19 dan telah disahkan jawatan;  
(iii) Mendapat pelepasan daripada Ketua Jabatan;  
(iv) Mencapai tahap Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) sekurang-kurangnya 85% bagi tiga tahun Terkini;  
(vi) Peratus gaji bersih di dalam penyata gaji tidak kurang daripada 70%.

### TEMPAT LATIHAN DAN KEMUDAHAN

- (i) Kursus ini dijalankan di Institut Veterinar Malaysia, Kluang, Johor.  
(ii) Tempat penginapan dan makanan disediakan.  
(iii) Elaun bulanan sebanyak RM 200.00 akan diberikan. (hanya kepada pelajar bukan daripada kakitangan DVS)

Untuk keterangan lanjut sila layari laman web kami di [www.dvs.gov.my](http://www.dvs.gov.my) atau di talian 03- 88702000/2207/2183/2185/2191 dan 07-7597000.

### CARA PERMOHONAN

Borang permohonan boleh didapati di Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar, Aras 2, Wisma Tani, Lot 4G1, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62630 Putrajaya atau di Institut Veterinar Malaysia, Kluang atau di Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri atau dimuat turun dengan melayari laman web kami di [www.dvs.gov.my](http://www.dvs.gov.my). Sila majukan borang permohonan yang telah lengkap diisi kepada:

Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan,  
Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Aras 2, Wisma Tani  
Lot 4G1, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62630 Putrajaya

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 30 SEPTEMBER 2021**